




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# LAPORAN ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) TAHUN 2020

الشهادة الدينية العالية الماليزية ٢٠٢٠


## PENGENALAN

Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) merupakan sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Al-Azhar Al-Syarif, Republik Arab Mesir seperti yang termeterai dalam Perjanjian Persefahaman Akademik dan Kebudayaan pada tahun 1999. Kurikulum STAM diambil daripada Maahad Bu'uth Al-Islamiyyah Al-Azhar, Mesir dan bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa Arab sepenuhnya. Peperiksaan STAM mula dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2000. Sijil STAM diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).




## PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN STAM DALAM NORMA BAHARU

Peperiksaan STAM tahun 2020 telah menempa sejarah kerana pelaksanaannya telah ditunda ke tahun 2021. Peperiksaan ini telah dijadualkan pada 21 hingga 28 Oktober 2020. Disebabkan penularan wabak COVID-19 dan bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, peperiksaan ini telah ditunda sebanyak tiga kali. Kali pertama ditunda ke 22 Februari hingga 3 Mac 2021, kemudian dipinda ke 2 hingga 10 Februari 2021 dan akhirnya tarikh peperiksaan dimuktamadkan pada 29 Mac hingga 7 April 2021. Kerja kursus pula dilaksanakan pada 15 Julai hingga 15 November 2020 manakala ujian lisan diadakan pada 31 Januari hingga 9 Februari 2021.




Pengurusan dan pengendalian STAM 2020 adalah berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam yang telah dikeluarkan oleh KPM dalam memastikan peperiksaan dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Infografik di bawah memaparkan SOP yang perlu dipatuhi oleh calon pada setiap hari peperiksaan.

		
<b>1.</b> Menyemak tahap kesihatan	<b>2.</b> Menyerahkan Borang Deklarasi Saringan Covid-19 sebelum memasuki dewan peperiksaan	<b>3.</b> Memakai pelitup separuh muka sepanjang peperiksaan
		
<b>4.</b> Mengimbas suhu badan sebelum memasuki dewan peperiksaan	<b>5.</b> Mensanitasi tangan dengan kerap	<b>6.</b> Mengekalkan jarak 1.5 meter atau lebih antara meja peperiksaan

Calon yang tidak dapat hadir disebabkan positif Covid-19 atau dikuarantin pada sesi pertama, dibenarkan menduduki peperiksaan setelah disahkan sihat oleh doktor. Bagi calon yang tidak dapat hadir mana-mana kertas peperiksaan dalam tempoh sesi pertama, mereka diberi peluang menduduki kertas berkenaan dalam sesi kedua yang bermula pada 21 hingga 27 April 2021.

## MAKLUMAT AM

Seramai 7,277 calon telah mendaftar peperiksaan STAM pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,574 calon telah menduduki peperiksaan STAM bagi Sesi 1 di 236 pusat peperiksaan dengan melibatkan seramai 1,144 petugas. Peperiksaan Sesi 2 pula melibatkan seramai 15 calon dan 36 petugas di sembilan pusat peperiksaan. Pertambahan bilangan petugas seramai 121 berbanding tahun 2019, adalah wajar untuk memastikan pengurusan dan pengendalian peperiksaan berjalan lancar dan selamat pada tahun ini. **Rajah 1** menunjukkan perincian calon STAM 2020.



**Rajah 1: Pendaftaran Mengikut Jenis Calon**

Seramai 644 pemeriksa telah dilantik untuk memeriksa skrip jawapan peperiksaan STAM, pertambahan seramai 244 orang berbanding tahun 2019. Tahun ini merupakan kali kedua pemeriksaan skrip jawapan peperiksaan STAM dilaksanakan secara dalam talian.

Calon pertama kali mendaftar untuk peperiksaan STAM diwajibkan menduduki 10 mata pelajaran yang meliputi tiga bidang. Pada tahun 2020, format instrumen peperiksaan STAM yang digunakan adalah berdasarkan kurikulum baharu. **Jadual 1** menunjukkan perbandingan antara format baharu mulai 2020 dan format sebelum ini.

Perbandingan Format			
	Mata Pelajaran	Sebelum 2020 (2013-2019)	Mulai 2020
Bidang Bahasa Arab	Nahu dan Sarf	OAP dan Subjektif	OAP dan Subjektif
	Insy'a' dan Mutalaah	Subjektif dan Lisan	Subjektif dan Lisan
	Adab dan Nusus	Subjektif dan Kerja kursus	Subjektif dan Kerja kursus
	'Arudh dan Qafiyah	OAP dan Subjektif	Subjektif dan Kerja kursus
	Balaghah	Subjektif dan Kerja kursus	Subjektif dan Kerja kursus
Bidang Usuluddin	Hifz Al-Quran dan Tajwid	Subjektif dan Lisan	Subjektif dan Lisan
	Tafsir dan Ulumuhu	OPB dan Subjektif	OAP dan Subjektif
	Tauhid dan Mantiq	OPB dan Subjektif	OAP dan Subjektif
Bidang Syariah	Hadith dan Mustolah	Subjektif dan Lisan	Subjektif dan Lisan
	Fiqh	OPB dan Subjektif	OAP dan Subjektif

\*\*Nota: OAP – Objektif Aneka Pilihan

OPB – Objektif Pelbagai Bentuk

**Jadual 1: Perbandingan Format STAM**

## PENSIJILAN STAM

Syarat penganugerahan sijil STAM ditunjukkan dalam **Rajah 2** seperti di bawah.



**Rajah 2: Syarat Penganugerahan Sijil STAM**

## ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN STAM


Analisis keputusan peperiksaan ini hanya melibatkan calon yang **menduduki peperiksaan STAM kali pertama dengan mendaftar 10 mata pelajaran**, dan menduduki **sekurang-kurangnya satu mata pelajaran**.

### Gred Purata Nasional (GPN)

Indeks Gred Purata Nasional (GPN) merujuk kepada pencapaian calon dalam semua mata pelajaran, dengan julat antara 1 hingga 5. Nilai GPN yang menghampiri 1 menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik. Nilai GPN bagi STAM 2020 adalah **3.04**.

### Pensijilan STAM Mengikut Pangkat


**Rajah 3** menunjukkan peratus pensijilan STAM mengikut pangkat bagi tahun 2020.



**Rajah 3: Peratus pensijilan STAM mengikut pangkat**

## Pencapaian Calon

Perincian pencapaian calon dalam mata pelajaran pada tahun 2020 ditunjukkan dalam **Rajah 4**.




**Rajah 4: Pencapaian Calon Dalam Mata Pelajaran STAM 2020**

## Prestasi Mata Pelajaran


**Rajah 5, 6 dan 7** memaparkan peratusan calon bagi setiap peringkat dalam mata pelajaran STAM mengikut bidang tahun 2020.

### Bidang Bahasa Arab



**Rajah 5: Analisis Prestasi Mata Pelajaran Bidang Bahasa Arab**


## Bidang Usuluddin



Bilangan Menduduki      5,572      5,565      5,573

**Rajah 6: Analisis Prestasi Mata Pelajaran Bidang Usuluddin**


## Bidang Syariah



Bilangan Menduduki      5,573      5,572

**Rajah 7: Analisis Prestasi Mata Pelajaran Bidang Syariah**

Prestasi mata pelajaran STAM tahun 2020 berdasarkan peringkat Mumtaz (Cemerlang) hingga Maqbul (Lulus) ditunjukkan dalam **Rajah 8**.



**Rajah 8: Peratus Kelulusan Mata Pelajaran STAM Tahun 2020**

## ANALISIS PRESTASI DAN GRED PURATA MATA PELAJARAN (GPMP)

Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) digunakan untuk menunjukkan prestasi mata pelajaran. Nilai GPMP yang kecil menunjukkan prestasi yang baik. Prestasi mata pelajaran tahun 2020 dinyatakan dalam **Jadual 2**.

Mata Pelajaran	Peratus					Bil Menduduki	GPMP
	Mumtaz	Jayyid Jiddan	Jayyid	Maqbul	Rasib		
<b>Nahu dan Sarf</b>	8.8%	14.7%	22.0%	34.9%	19.6%	5,573	3.42
<b>Insya' dan Mutalaah</b>	11.0%	26.9%	35.8%	19.8%	6.5%	5,566	2.84
<b>Adab dan Nusus</b>	1.1%	5.2%	19.3%	52.3%	22.1%	5,560	3.89
<b>Arudh dan Qafiyah</b>	20.7%	29.6%	28.4%	15.9%	5.4%	5,558	2.56
<b>Balaghah</b>	12.2%	27.7%	35.9%	16.9%	7.3%	5,560	2.79
<b>Hadith dan Mustolah</b>	10.1%	17.6%	35.0%	28.7%	8.6%	5,572	3.08
<b>Fiqh</b>	22.1%	29.3%	21.9%	16.9%	9.8%	5,573	2.63
<b>Hifz Al-Quran dan Tajwid</b>	26.6%	26.3%	19.7%	17.0%	10.4%	5,572	2.58
<b>Tafsir dan Ulumuhu</b>	10.9%	19.5%	26.6%	25.8%	17.2%	5,573	3.19
<b>Tauhid dan Mantiq</b>	8.4%	14.4%	25.9%	31.3%	20.0%	5,565	3.40

**Jadual 2: Analisis Prestasi Dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP)**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS 1,2,5-13 BLOK E11 & ARAS 3 BLOK E14  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 WP PUTRAJAYA**

**JALAN TUANKU ABDUL HALIM  
50605 KUALA LUMPUR**

**[lp.moe.gov.my](http://lp.moe.gov.my)**